

Anugerah suntik semangat

Enam graduan Ijazah Sarjana Muda Pengajian Quran dan Sunnah dapat pangkat kelas pertama

MALIS Konvokesyen ke-10 Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) pada November lalu telah meraikan seramai 1,346 graduan. Jumlah tersebut termasuk 30 orang graduan sulung Sarjana Muda Pengajian Quran dan Sunnah melalui program kerjasama USIM-Darul Quran, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim). Enam orang graduan Ijazah Sarjana Muda Pengajian Quran dan Sunnah itu telah berjaya mendapat pangkat kelas pertama.

Amirah Ahmad Ajazi, telah dipilih sebagai penerima Anugerah Pelajaran Diraja (Pingat Jaya Cemerlang) dan menerima watakah, Pingat Jaya Cemerlang dan wang tunai RM5,000 yang disampaikan oleh Canselor USIM, Tunku Ampuan Besar Negeri Sembilan, Tuanku Aishah Rohani Almarhum Tengku Besar Mahmud.



Sementara itu, Anugerah Canselor diberikan kepada Siti Nurhafizah Abdul Rashid, manakala Norhafizah Jalil menerima hadiah buku universiti dan Siti Samihah Khamrulzaman pula menerima hadiah buku fakulti.

Antara faktor yang menyumbang kepada kecemerlangan itu adalah hasil komitmen dan sokongan penuh yang diberikan oleh Jakim, khususnya Pengurusan Darul Quran.

Kejayaan yang membanggakan itu diharap dapat menyuntik semangat pelajar-pelajar lain untuk mengekalkan kecemerlangan akademik sekali gus dapat memartabatkan pengajian al-Quran dan sunnah di mata dunia.



TUANKU Aishah Rohani menyampaikan Anugerah Pelajaran Diraja (Pingat Jaya Cemerlang) kepada Amirah Ahmad Ajazi sempena konvokesyen USIM, baru-baru ini.